Sifat Klitik dan Sifat Morfem dalam Bahasa Melayu

Fazal Mohamed Mohamed Sultan
Zaharani Ahmad
Nor Hashimah Jalaluddin
Harishon Radzi
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Bahasa Melayu ialah bahasa aglutinatif. Bahasa jenis ini mempunyai pelbagai jenis morfem. Morfem pula boleh dibahagikan kepada morfem bebas dan morfem terikat. Proses gabungan morfem terikat dan morfem bebas menghasilkan perkataan. Proses ini dikenali sebagai proses morfologi. Namun demikian, bahasa Melayu juga memiliki sejenis bentuk ringkas yang dikenali sebagai klitik. Klitik ini wujud di dalam bahasa Melayu yang jelas menunjukkan perbezaan yang ketara daripada morfm yang lain dalam bahasa Melayu. Perbezaan itu wujud dalam bahasa Melayu sehingga morfem dan klitik boleh dibezakan. Sifat dan bentuknya yang berbeza boleh menjadi sebab utama untuk membezakan kedua-duanya dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian artikel ini akan membahaskan perbezaan di antara klitik dan morfem serta membawa ketengah kriteria yang penting untuk menamakan sesuatu bentuk itu klitik. Disamping perbezaan itu, persamaan di antara klitik dan morfem juga akan dibincangkan.

Abstracts

Malay is an agglutinative language. It is a language, which has various forms of morphemes. These morphemes can be divided into free morphemes and bound morphemes. The combination process of these morphemes can produce free or bound morphemes. The process is known as morphology. At the same time, Malay language also has a simple form known as clitics. Clitics, which exist in Malay language, clearly show significant differences from other types of morphemes in Malay. The variations that exist in the Malay language between the morpheme and clitics are distinguishable. Its nature and different forms are the main feature that distinguish the two in Malay. Therefore, this article will debate the differences between clitics and morphemes, and bring forwards the important criteria that are necessary to designate the forms as clitics. Besides the differences, similarities between clitics and morphemes will also be discussed.

Pengenalan

Morfem adalah satu bentuk yang mudah dikenalpasti dalam bahasa Melayu. Ini adalah kerana bahasa Melayu adalah bahasa aglutinatif. Sehubungan dengan itu, bahasa ini mempunyai pelbagai jenis morfem. Kedudukan morfem itu pula boleh berada di awal perkataan atau di akhir perkataan. Kedudukan morfem di awal perkataan dikenali sebagai prefiks manakala kedudukan morfem di akhir perkataan di kenali sebagai suffiks. Morfem-morfem ini hadir sebagai morfem terikat yang boleh bergabung dan boleh membentuk perkataan yang baru serta mengubah golongan katanya. Gabungan morfem ini dengan morfem lain yang dikenali sebagai morfem bebas dapat membentuk perkataan. Ini dikenali sebagai proses morfologi. Proses pembentukan perkataan dalam bahasa Melayu pula melibatkan tiga jenis proses morfologi iaitu pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan (Tatabahasa Dewan 1993:43). Ketiga-tiga proses ini dilakukan pada bentuk dasar, iaitu bentuk yang boleh menerima penambahan. Namun begitu, bahasa Melayu juga mempunyai satu lagi proses yang dikenali sebagai proses klitikisasi, iaitu proses penyandaran klitik pada satu perkataan (Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan,2005). Perkataan yang disandari oleh klitik itu dikenali sebagai hos. Terdapat empat klitik dalam BM iaitu *ku, kau, mu* dan *nya*. Klitik-klitik tersebut diklasifikasikan sebagai proklitik atau enklitik iaitu bergantung kepada posisi klitik itu pada hosnya. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan dan membezakan morfologi daripada klitikisasi dalam bahasa Melayu.

Proses Morfologi Bahasa Melayu

Proses morfologi ialah proses pembentukan perkataan. Perkataan dalam bahasa Melayu terbahagi kepada unit-unit morfem yang terdiri daripada morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem yang boleh wujud bebas sebagai satu perkataan iaitu seperti *makan, cium* dan *lari* dalam bahasa Melayu, manakala morfem terikat pula, adalah morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dan hanya mendapat interpretasi setelah bercantum dengan bentuk morfem yang lain seperti *–an* dan *ter-* dalam bahasa Melayu.

Proses morfologi dalam bahasa Melayu terbahagi kepada pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Proses morfologi ini dilakukan pada bentuk dasar. Dasar ialah bentuk kata yang boleh menerima imbuhan dalam proses pengimbuhan atau bentuk yang digabungkan dengan bentuk kata lain dalam proses pemajmukan atau bentuk yang mengalami gandaan dalam proses penggandaan (Intarachat 1987). Bentuk dasar boleh terdiri daripada satu kata akar, kata terbitan, kata gandaan dan kata majmuk. Perkataan yang terhasil daripada proses morfologi itu pula dapat menerima klitik.

Pengimbuhan

Pengimbuhan ialah satu proses yang menerbitkan perkataan dengan mencantumkan satu atau lebih imbuhan kepada kata dasar (Abdullah 1986:43). Imbuhan ialah sejenis morfem terikat yang diimbuhkan kepada kata dasar melalui proses pengimbuhan. Imbuhan terbahagi kepada empat jenis iaitu awalan, akhiran, sisipan, dan apitan.

Imbuhan awalan merupakan morfem terikat yang diimbuhkan di depan kata dasar. Imbuhan awalan dalam bahasa Melayu terdiri daripada *ber-, me-, di-, per-, ter-, pe-, ke-* dan *se*[1]. Contoh awalan dalam suatu perkataan ialah *pe-* dalam ***pe****main, per-* dalam ***per****lima* dan *ter-* dalam ***ter****jumpa*.

Imbuhan akhiran merupakan morfem terikat yang diimbuhkan di belakang kata dasar. Imbuhan akhiran dalam bahasa Melayu terdiri daripada *–kan, -i, -an, -wan* dan *-wati*[2]. Contoh imbuhan akhiran dalam suatu perkataan ialah *–kan* dalam *ambil****kan****, -i* dalam *baik****i****,* dan *-an* dalam *hasil****an***.

Imbuhan sisipan merupakan morfem terikat yang diimbuhkan di celah kata dasar. Pembentukan kata melalui sisipan biasanya adalah tidak produktif (Tatabahasa Dewan 1995:73). Imbuhan sisipan dalam bahasa Melayu terdiri daripada *-el-, -er-, -em-,* dan *-in-*. Contoh imbuhan sisipan dalam sesuatu perkataan ialah *t****el****ekan, s****er****abut, g****em****eruh* dan *s****in****ambung.*

[1] Tanda sempang menandakan bahawa bentuk ini mesti mempunyai bentuk lain mengikutinya.
[2] Tanda sempang menandakan bahawa bentuk ini mesti mempunyai bentuk lain mendahuluinya.

Imbuhan apitan merupakan morfem terikat yang diimbuhkan serentak di depan dan di belakang kata dasar. Imbuhan apitan dalam bahasa Melayu terdiri daripada *pe…an* dalam ***pe****rasa****an***, *pem…an* dalam ***pem****balak****an***, *me…kan* dalam ***me****naik****kan*** dan *mem…kan* dalam ***mem****bulat****kan***.

Morfem terikat bukan sahaja melibatkan imbuhan tetapi juga klitik. Kedua-dua bentuk ini mempunyai dua persamaan. Persamaan yang pertama ialah klitik dan imbuhan hanya hadir sebagai morfem terikat. Sebagai contoh perkataan ***pe****main****nya*** terdiri daripada kata dasar *main,* imbuhan *pe* dan klitik *'-nya'*. Imbuhan dan klitik menunjukkan persamaannya dengan hadir terikat pada kata dasar. Persamaan kedua ialah imbuhan dan klitik tidak boleh menjadi dasar kepada perkataan. (Asraf 1995d:46). Sebagai contoh ***pe****main****nya*** tidak mempunyai kata dasar *pemain* atau *mainnya* tetapi kata dasar untuk perkataan ini adalah *main.*

Walaupun persamaan wujud di antara klitik dengan imbuhan tetapi kedua-duanya mempunyai jurang perbezaan yang dapat menafikan klitik sebagai sejenis imbuhan. Klitik dan imbuhan mempunyai sekurang-kurangnya empat perbezaan yang menjadi punca utama kedua-duanya perlu dibezakan.

Asraf (1995d:46) telah mencadangkan tiga daripada empat perbezaan yang akan dibincangkan di sini. Menurut Asraf, perbezaan pertama ialah imbuhan seperti *'ber-', 'di-', 'men-', 'ter-', '-kan',* dan *'–i'*, tidak tergolong dalam suatu kelas kata tertentu, manakala, klitik seperti *'ku-', '-mu'* , *'-kau'* dan *'-nya'* dapat digolongkan dalam kelas kata gantinama.

Menurut Asraf lagi, perbezaan kedua di antara imbuhan dengan klitik ialah dari segi makna leksikal dan makna gramatis. Morfem terikat memiliki makna gramatis manakala morfem bebas memiliki makna leksikal (Parera 1994:26). Perkataan seperti *pengajaran* terdiri daripada morfem bebas iaitu *ajar* yang memiliki makna leksikal kerana *ajar* bermakna *suatu perbuatan yang dilakukan oleh pendidik,* manakala, imbuhan apitan iaitu *peng...an* iaitu morfem terikat memiliki makna gramatis kerana kehadiran morfem ini menyebabkan kata kerja *ajar* menjadi kata nama *pengajaran*. Sebaliknya, klitik seperti *ku, kau, mu* dan *'-nya'* yang sentiasa wujud sebagai morfem terikat memiliki kedua-dua makna gramatis dan makna leksikal. Klitik seperti *ku, kau, mu* dan *'-nya'* tergolong dalam kelas kata gantinama. Kelas kata gantinama memiliki makna leksikal maka klitik

dikatakan memiliki makna leksikal. Klitik juga boleh memiliki makna gramatis apabila hadir pada kata adjektif seperti *tingginya* iaitu sebagai penegas. Perbincangan ini menunjukkan bahawa klitik boleh memiliki makna gramatis dan makna leksikal. Sifat ini berbeza daripada imbuhan yang hanya memiliki makna gramatis.

Perbezaan ketiga ialah urutan imbuhan dan klitik pada satu perkataan. Imbuhan perlu hadir dahulu pada kata dasar kemudian baru diikuti oleh klitik. Misalnya perkataan ***mem****beri****kan*** mempunyai imbuhan apitan *'me-'* dan *'-kan'* bersebelahan kata dasar *beri*. Klitik pula hadir pada pada perkataan yang telah diimbuhkan seperti *memberikan****ku*** dan *sepakan****mu***. Keadaan ini adalah benar kerana klitik tidak boleh disisipkan di antara kata dasar dengan imbuhan seperti **memberi****ku****kan, *sepak****mu****kan* dan *ter****ku****buka*. Contoh-contoh ini menunjukkan klitik dan imbuhan memiliki sifat yang lebih ketat dan berbeza. Justeru, klitik seperti *ku* dan *mu* bukan dikenali sebagai akhiran tetapi sebagai enklitik. Klitik juga boleh hadir pada awal kata dasar seperti *buka* dan membentuk ***kau****buka*. Klitik *kau* ini tidak dikenali sebagai awalan tetapi dikenali sebagai proklitik.

Akhir sekali, penulis berpendapat bahawa klitik dan imbuhan mempunyai perbezaan keempat iaitu imbuhan boleh mengubah golongan perkataan yang dihadirinya seperti kata kerja *makan* menjadi kata nama *makanan* hanya dengan imbuhan akhiran *'-an'*. Sebaliknya kehadiran klitik pada suatu perkataan tidak mengubah golongan kata suatu perkataan, sebagai contoh, kehadiran klitik '*-nya'*, '*ku'*, '*mu'* dan '*kau'* pada kata nama *perasaan*: *perasaan****nya***, *perasaan****ku***, *perasaan****mu*** dan *perasaan****kau***. Kata nama *perasaan* tetap tidak mengubah golongan katanya walaupun dengan kehadiran klitik-klitik tersebut.

Perbezaan yang terdapat di antara imbuhan dengan klitik membolehkan kita menafikan bahawa klitik adalah sejenis imbuhan. Persamaan klitik dengan imbuhan hanya disebabkan oleh sifat klitik yang perlu wujud sebagai morfem terikat. Justeru, bahagian ini telah membahaskan empat perbezaan yang telah menjadi faktor utama bagi membentuk garis pemisah di antara klitik dengan imbuhan.

Penggandaan

Penggandaan ialah proses yang menghasilkan kata ganda melalui proses mengulangi kata dasar (Tatabahasa Dewan 1995:55). Ulangan ini boleh meliputi sebahagian ataupun seluruh bentuk dasar itu. Bentuk yang diulang ini dikenali sebagai *gandaan*. Proses pengandaan ini terdiri daripada 3 jenis iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa dan penggandaan berentak. Setiap proses penggandaan ini boleh dihadiri oleh klitik seperti *ku, kau, mu* dan *'-nya'*.

Penggandaan penuh melibatkan ulangan sepenuhnya kata dasar, misalnya, *budak-budak* adalah ulangan daripada kata dasar *budak*; *kanak-kanak* adalah ulangan daripada kata dasar *kanak; mata-mata* adalah ulangan daripada kata dasar *mata* dan sebagainya. Perkataan seperti *kata-kata* ini boleh dihadiri oleh klitik seperti *ku, kau, mu* dan *'-nya'* untuk membentuk perkataan seperti *kata-kataku, kata-katakau, kata-katamu* dan *kata-katanya*.

Kata dasar yang mengandungi imbuhan juga boleh digandakan sepenuhnya. Satu contoh ialah imbuhan awalan '*pe-*' dalam kata dasar '*pimpin*' digandakan sepenuhnya menjadi ***pe****mimpin-****pe****mimpin*[3], imbuhan akhiran *'-an'* dalam kata dasar *'tanam'* digandakan sepenuhnya menjadi *tanaman-tanaman* dan lain-lain. Kata ganda yang berimbuhan ini juga boleh dihadiri oleh klitik seperti *ku, kau, mu* dan *'-nya'* untuk membentuk perkataan seperti *tanaman-tanamanku, tanaman-tanamankau, tanaman-tanamanmu* dan *tanaman-tanamannya.*

Penggandaan separa ialah proses yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja (Tatabahasa Dewan 1995:77). Penggandaan separa tidak mengulang seluruh kata dasarnya. Proses penggandaan separa bahasa Melayu terdiri daripada dua jenis iaitu penggandaan suku kata awal dan penggandaan suku kata akhir. Penggandaan suku kata awal hanya meniru suku kata pertama sahaja tetapi vokal pada suku kata pertama yang ditiru itu mengalami proses pelemahan menjadikannya vokal 'e' pepet misalnya[4]:

laki ⟶ lalaki ⟶ lelaki

kuda ⟶ kukuda ⟶ kekuda

[3] Dalam pembentukan perkataan **pemimpin** terdapat perubahan konsonan **p** ke **m** pada kata dasar **pimpin**. Perubahan ini melibatkan perubahan fonologi (Farid 1980).

jari ⟶ jajari ⟶ jejari

Penggandaan suku kata akhir pula hanya meniru dua suku kata akhir sahaja. Penggandaan ini tidak produktif dan hanya melibatkan beberapa perkataan sahaja seperti *segala-gala* dari hasil gandaan dua suku kata akhir kata dasar *segala* dan *pertama-tama* dari hasil gandaan dua suku kata akhir kata dasar *pertama*.

Penggandaan separa juga berlaku pada kata dasar yang mempunyai imbuhan dan terbahagi kepada tiga jenis. Jenis pertama ialah penggandaan pada kata dasar yang mempunyai imbuhan awalan. Sebagai contoh, imbuhan awal '*ber-'* pada kata dasar *kata* digandakan menjadi *berkata-kata.* Kedua, penggandaan pada kata dasar yang mempunyai imbuhan apitan seperti imbuhan apitan '*ber…an*' pada kata dasar *sentuh* digandakan menjadi *bersentuh-sentuhan* dan akhir sekali, penggandaan pada kata dasar yang mempunyai imbuhan akhiran seperti imbuhan '*-an*' pada kata dasar *cubit* digandakan menjadi *cubit-cubitan* dan lain-lain.

Penggandaan berentak ialah proses yang menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu (Tatabahasa Dewan 1995:78). Perubahan bunyi ini boleh melibatkan sama ada konsonan ataupun vokal kata dasar ataupun kedua-duanya sekaligus. Perbezaan sedemikian pada proses penggandaan ini menyebabkan penggandaan berentak boleh dibahagikan kepada 3 jenis:

a. Penggandaan berentak pengulangan vokal
b. Penggandaan berentak pengulangan konsonan
c. Penggandaan berentak bebas

Penggandaan berentak pengulangan vokal ialah penggandaan kata dasar yang hanya mengubah fonem konsonan awal tanpa perubahan pada fonem vokal dan konsonan akhir. Contohnya: *lauk-pauk, ramah-tamah, sayur-mayur, kuih-muih* dan sebagainya.

[4] Perubahan daripada satu bentuk kepada satu bentuk yang lain ditunjukkan dengan menggunakan anak panah. Anak panah ini menunjukkan perubahan fonologi *a* dalam *lalaki* kepada *e* pepet dan menghasilkan perkataan *lelaki.*

Penggandaan berentak pengulangan konsonan ialah kata dasar yang diulang seluruhnya dengan perubahan fonem vokal sahaja. Contohnya: *huru-hara*, *gunung-ganang*, *kuyup-kayap* dan sebagainya.

Penggandaan berentak bebas ialah penggandaan yang tidak mempunyai apa-apa persamaan yang sistematik dengan kata dasarnya, baik dari segi fonem konsonan ataupun fonem vokal. Contohnya: *cerdik-pandai*, *lemah-longlai*, *tinggi-lampai* dan lain-lain.

Kata ganda juga boleh dihadiri oleh klitik. Bentuk-bentuk klitik seperti *'mu', 'ku', 'kau'* dan *'-nya'* boleh hadir pada setiap kata ganda yang telah dibincangkan di atas seperti: *jejari**ku***, *kuih-muih**nya***, *tinggi-lampai**mu*** tetapi kehadirannya bukanlah satu proses pembentukan perkataan kerana kehadiran klitik tidak membentuk perkataan yang baru. Sebaliknya, kehadiran klitik pada kata ganda menggambarkan bahawa klitikisasi berlaku selepas penggandaan. Ini terbukti apabila klitik disandarkan pada hosnya sebelum penggandaan, perkataan ini menjadi tidak gramatis seperti ****kuihnya-muih, *tinggimu-lampai*** **dan** ****cubitnya-cubitan***.

Pemajmukan

Pemajmukan ialah proses pembentukan perkataan yang terdiri daripada gabungan dua morfem bebas atau lebih yang membawa makna tertentu. Proses ini menghasilkan kata majmuk. Kata majmuk ialah perkataan yang terdiri daripada dua perkataan sebagai unsurnya.

Menurut Tatabahasa Dewan (1995), kata majmuk boleh dikelompokkan kepada 3 jenis, iaitu kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas seperti *gambar rajah*, *alat tulis, air hujan*, dan lain-lain; kata majmuk yang berbentuk istilah khusus seperti *model linear, kanta tangan, pita suara* dan lain-lain; dan kata majmuk yang mendukung maksud kiasan (simpulan bahasa) seperti *kaki ayam, keras kepala, anak emas* dan lain-lain.

Kata majmuk tidak semestinya dieja terpisah, kerana terdapat juga sebilangan kecil kata majmuk yang telah 'mantap' penggunaannya dan dieja tanpa dipisahkan sebagai satu perkataan seperti *sukarela, setiausaha, bumiputera* dan sebagainya. Selain itu, kata majmuk juga boleh menerima imbuhan. Kata majmuk boleh diimbuhkan untuk menghasilkan perkataan dalam dua bentuk iaitu menerima imbuhan awalan atau akhiran

sahaja. Ejaan kata majmuk ini tetap terpisah, misalnya: *ambil alih* menerima imbuhan awalan dan berubah kepada *mengambil alih*.

Kata majmuk juga boleh dihadiri oleh bentuk-bentuk klitik seperti *'ku', 'mu', 'kau',* dan *'-nya'* seperti: *alat tulis**ku**, alat tulis**mu**, alat tulis**kau**,* dan *alat tulis**nya***. Namun, kehadiran klitik-klitik tersebut bukanlah sebagai satu proses pembentukan perkataan kerana kehadiran klitik-klitik itu tidak membentuk perkataan yang baru. Kehadiran klitik-klitik *'ku', 'mu', 'kau',* dan *'-nya'* pada kata majmuk hanya menunjukkan bahawa kesemua klitik ini hadir sebagai enklitik sahaja. Klitik ini juga tidak boleh diselitkan di antara kata majmuk untuk dikenali sebagai endoklitik seperti * *alat**ku** tulis, *alat**mu** tulis, *alat**kau** tulis,* dan **alat**nya** tulis*. Ini membuktikan bahawa endoklitik tidak wujud dalam bahasa Melayu.

Kesimpulan

Kertas kerja ini telah membincangkan tiga proses morfologi yang terlibat iaitu pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Perbincangan ini juga telah menjelaskan bahawa klitikisasi bukanlah satu proses morfologi tetapi adalah proses cantuman klitik dengan hosnya. Pandangan ini adalah bertepatan dengan konsep morfologi dalam Hipotesis Leksikal yang telah diketengahkan oleh Chomsky (1970). Mengikut hipotesis ini proses percantuman yang membentuk perkataan perlu dibezakan daripada proses percantuman yang tidak membentuk perkataan. Keadaan ini dibezakan dengan dakwaan bahawa proses pembentukan perkataan berlaku di dalam leksikon tetapi proses seperti klitikisasi yang tidak membentuk perkataan yang baru berlaku pada aras sintaksis. Oleh yang demikian, kertas kerja ini telah membahaskan bahawa proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan adalah berbeza daripada proses klitikisasi.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. 1986. *Penerbitan kata dalam bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Asraf Hj. Abdul Wahab. 1995d. Pembentukan kata (5): Proklitik dan enklitik. *Pelita Bahasa* **7**(9): 46-47.

Chomsky, N. 1970. Remarks on Nominalizations. Dlm. Jacobs, R. & Rosenbaum, P.S. (pnyt.). *Readings in English transformational grammar*, hlm. 20-58. Waltham, MA: Ginn.

Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay phonology and morphology: a generatif approach*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan. 2005. Analisis sintaksis ke atas enklitik *'-nya'* dalam bahasa Melayu. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Intarachat, P. 1987. *Sintaksis predikat dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Parera, J. D. 1994. *Morfologi bahasa*. Ed. ke-2. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Tatabahasa Dewan. 1995. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.